



KOLEJ KETENGGAH SDN. BHD. (72838-W)

Bangunan Ketengah Holding Sdn Bhd, Lot 70029, Jalan Sultan Zainal Abidin 3,
Bandar Al Muktafi Billah Shah,
23400 Dungun, Terengganu
Tel: 09-822 3800 | Fax: 09-822 3817

Surat kami : KKS: 01.19 Bhg.3 - ()
Tarikh : 25 Jun 2025

DR. ROMARZILA BINTI OMAR

Penyelaras Kluster Pedagogi Khas
Pusat Pedagogi, Penyelidikan dan Inovasi
Fakulti Pembangunan Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
35900 Tanjong Malim, Perak.

Y.Bhg Dr,

LANTIKAN SEBAGAI PENASIHAT LUAR BAGI PROGRAM PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa pihak kolej Ketengah berbesar hati untuk melantik Y.Bhg Dr. sebagai Penasihat Luar bagi program Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak, Kolej Ketengah selama 2 tahun mulai 1 Julai 2025 hingga 30 Jun 2027.

3. Skop pelantikan ini adalah meliputi perkara-perkara sebagaimana berikut:-

- i. Kehadiran ke Kolej Ketengah bagi memenuhi jadual pemantauan untuk menjalankan tugas dan skop kerja yang ditetapkan
- ii. Memberi khidmat nasihat berkaitan kurikulum silibus dan perancangan pembelajaran DPAKK dan SPAKK
- iii. Membuat semakan, penambahbaikan dan memantau soalan peperiksaan DPAKK dan SPAKK
- iv. Membantu dan menyemak penyediaan bahan dan nota pengajaran DPAKK dan SPAKK
- v. Memastikan pengajaran dan pembelajaran DPAKK dan SPAKK mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak MQA, Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam
- vi. Memberi khidmat nasihat berkaitan program, seminar, kursus yang boleh dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Awal Kanak-kanak
- vii. Memberi khidmat nasihat untuk pengambilan pelajar DPAKK dan SPAKK

4. Untuk makluman Y.Bhg Dr, pihak Kolej Ketengah bersetuju untuk membayar setiap skop kerja adalah sebagaimana berikut :


Bil	Skop Kerja	Bayaran (RM)
1.	Semakan Kertas Soalan	300.00 / program
2.	Semakan Silibus / Pemurnian Kurikulum	500.00 / program
3.	Sesi Pemantauan Dan Kehadiran Ke Kolej Ketengah	1000.00 / sesi

5. Sehubungan dengan itu, diharap Y.Bhg Dr dapat menerima pelantikan ini dan memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi menjamin kualiti program Pendidikan Awal Kanak-kanak di Kolej Ketengah.

Segala perhatian dan kerjasama dari Y.Bhg Dr amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,
KOLEJ KETENGGAH


(HAJI MOHD RAZALI BIN MAHMUD)
Ketua Pegawai Eksekutif

s.k : Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Ketengah Holding Sdn Bhd